

08/05/2004

Dinar emas bukan untuk negara Islam saja

By Prof Madya Dr Zuhaimy Ismail

KELEMAHAN dolar Amerika Syarikat (AS) sudah mula kelihatan dengan masyarakat dunia beransur-ansur mengalih kepada mata wang lain. Dijangkakan masanya untuk dolar AS ini menyusut ke tahap yang teruk akan tiba juga tidak begitu lama lagi.

Sejarah akan berulang dan kejatuhan dolar AS sedang dinanti, walau apa yang dilakukan oleh kerajaan Jepun dan China menjual wang masing-masing untuk mendapatkan dolar AS, nilai pertukaran asing dolar AS terus merosot.

Inilah fenomena yang kita lihat dan rasai sendiri hari ini. Dengan keadaan ketidakpastian ini, cadangan supaya dunia khususnya negara kita mencari alternatif kepada wang kertas seperti dinar emas perlulah ditimbang dengan lebih serius.

Laman web gold-eagle.com mencadangkan supaya sistem mata wang dunia mengembalikan piawai mata wang kepada emas seperti yang pernah berlaku selama lebih 250 tahun (1717-1971).

Pada dasarnya, seluruh dunia memiliki nilai mata wang yang sama. Dengan itu akan mengurangkan spekulasi perdagangan mata wang kerana wang mesti disandarkan kepada emas. Ekonomi dan perdagangan dunia dengan demikian akan berlangsung secara lebih adil. Sistem kewangan akan lebih teratur dengan piawai sistem nilai.

Bagaimanapun, cadangan ini tidak akan diterima institusi perbankan Barat kerana menurut mereka, mengehendkan unit kertas kepada emas akan menyekat perkembangan ekonomi, penjana kredit ekonomi akan terhad dan ekonomi tidak boleh berkembang.

Usul untuk menggunakan emas sebagai sandaran mata wang dunia ini bukan saja tidak popular di kalangan bank Barat, malah sesuatu yang agak berbahaya buat mereka.

Sebab itulah kedatangan dinar emas pada zaman ini perlulah dilihat dengan lebih mendalam akan potensinya dan peluangnya untuk bangkit dan merampas kemenangan di tengah perang antara euro dengan dolar AS.

Kelahiran kembali dinar emas atau IGD seperti yang pernah digunakan pada zaman Rasulullah sehinggalah jatuhnya Khalifah Uthmaniah di Turki pada 1924, memberi nafas baru kepada umat Islam yang sekian lama dipermainkan oleh sistem mata wang dunia yang penuh dengan riba.

Usaha mengembalikan dinar emas bukan saja mengatasi sistem piawai emas, tetapi sesuatu yang nyata kerana dinar itu sendiri adalah emas tulen berupa syiling 4.25 gram, emas 22 karat.

Menjelang 2004, kita dapati perkembangan penggunaan IGD begitu efektif sebagai mata wang dunia walaupun dalam jumlah yang agak kecil. Di Malaysia, dinar emas dicetak dalam bilangan puluhan ribu dan diedarkan ke seluruh dunia.

Pada peringkat antarabangsa, kita dapati Thomas Cook Exchange Co di Dubai telah mula menerima dinar emas sebagai pertukaran. Di negara kita, sudah ada 12 wakala (pusat pertukaran wang kertas kepada dinar emas dan sebaliknya).

Untuk maklumat lanjut kita boleh lihat laman web www.igdexchange.com. Operator wakala ini, majoritinya terdiri daripada bukan beragama Islam.

Ini suatu fenomena yang baik kerana ia menunjukkan bahawa dinar emas ini tidak terbatas kepada agama, bangsa, tempat dan masa. Kita umat Islam harus ingat bahawa IGD digunakan oleh orang bukan Islam sebelum datangnya Islam. Dinar ini dipiawai mengikut timbangan dan ukuran yang ditetapkan oleh Saidina Omar.

Jelas, kedatangan dinar emas bukan saja penting untuk ekonomi umat Islam, yang bukan Islam juga berasakan bahawa kembalinya dinar emas ini akan mengubah tekanan politik dan ekonomi dunia.

Yang diperlukan bagi usaha mengembalikan IGD kini ialah sokongan politik dan pihak berkuasa lain dengan lebih luas sehingga ia dapat diterima dan diakui sebagai mata wang negara Islam.

Sebenarnya, dinar emas tidak terikat oleh sesebuah negara kerana ia tidak mempunyai identiti kenegaraan. Ia adalah mata wang sejagat untuk semua manusia.

Umat Islam di Malaysia seharusnya mula menggunakan dinar emas ini sebagai simpanan, membayar zakat, mas kahwin dan hadiah untuk majlis istimewa.

Kita umat Islam semuanya harus mula membayangkan harta negara kita ditukar dengan emas atau komoditi yang diperlukan negara dan bukan dengan kepingan wang kertas dolar AS, euro atau yen Jepun.

Ini memerlukan satu titik permulaan. Ia boleh dilakukan pada peringkat individu, antara syarikat dan negara. Ini boleh menjadi realiti dengan hanya dua negara Islam yang berdagang menggunakan dinar emas, maka bermulalah sejarah ekonomi politik dunia akan berubah kerana umat Islam kini berjumlah hampir 1.5 bilion.

Di negara kita sendiri, kita dapati tidak ramai ulama yang tampil membicarakan isu dinar emas atau menyokong secara terbuka usaha yang pernah diutarakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu.

Masyarakat kita memerlukan satu anjakan paradigma dalam memahami usaha untuk mengembalikan dinar emas. Gema kegemilangan dinar emas sudah mula kedengaran dan usaha ke arah menggantikan dolar AS menampakkan hasil dengan keredaan Allah untuk kesejahteraan manusia sejagat.

Di negara kita, percetakan dinar emas sudah mula rancak sejak setahun lalu oleh dua agensi yang berdaftar. Islamic Mints Sdn Bhd dan Royal Mint Sdn Bhd adalah dua institusi yang mengeluarkan dinar emas dan dirham perak.

Difahamkan, sudah lebih daripada 30,000 keping dinar emas dicetak di negara ini. Di samping itu, ada juga sistem pertukaran wang kertas kepada dinar emas dan dari dinar emas kepada wang kertas tempatan melalui sistem elektroknik yang dikenali sebagai IGDexchange.com (www.igdexchange.com).

Sistem ini membolehkan seseorang itu memiliki dinar emas dan menyimpannya secara elektronik dan boleh ditukar kepada dinar emas fizikal, melalui wakala yang ditubuhkan di seluruh negara dan dunia.

Kembalinya dinar emas bukan lagi sesuatu igauan, tetapi suatu realiti dan menjadi tugas umat Islam dan bukan Islam yang inginkan keadilan dan memerangi riba sekarang ini untuk mengambil bahagian dalam ekonomi baru dinar emas ini.

(END)